

**TEKS UCAPAN**  
**YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN KAMPUS UTAMA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**DAN MAJLIS PENYERAHAN STATUS AUTONOMI**  
**SERTA MAJLIS PERTUKARAN DOKUMEN DENGAN RAKAN INDUSTRI**  
**PADA HARI AHAD, 21 FEBRUARI 2016, PUKUL 3:00 PETANG**  
**DI PERKARANGAN KOMPLEKS PENTADBIRAN UTAMA, UMP PEKAN**

---

**SALUTASI**

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak,

Perdana Menteri Malaysia

dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah Mansor;

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob,

Menteri Besar Pahang

dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Diraja;

Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh,

Menteri Pendidikan Tinggi

dan Yang Berbahagia Datin Seri;

Yang Berhormat Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar,  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
dan Yang Berbahagia Datin Sri;

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ishak Haji Muhammad,  
Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pahang;

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang  
dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pahang;

Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang,  
Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi;

Yang Hormat Dato' Sri Mohd Hilmey Mohd Taib,  
Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Pahang;

Yang Berbahagia Dato' Profesor Asma Ismail,  
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi;

Yang Berbahagia Dato' Sri Jebasingam Issace John,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur;

Yang Berbahagia Dato' Husni Salleh,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Unit Peneraju Agenda Bumiputera, Jabatan Perdana Menteri;

Ahli-ahli Lembaga Pengarah UMP;

Naib-Naib Canselor Universiti-universiti Awam;

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri,  
Dato'-Dato' dan Datin-Datin;

Yang Hormat Dato' Ali Syahbana Sabaruddin,  
Pegawai Daerah Pekan;

Ketua-ketua Jabatan, Agensi dan Badan-badan Berkanun  
Persekutuan serta Negeri;

Pegawai-pegawai utama, warga kerja dan mahasiswa UMP;

Tuan-tuan dan puan-puan;

Sidang hadirin yang dikasihi sekalian.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

## **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat berhimpun di sini sempena Majlis Perasmian Kampus Utama Universiti Malaysia Pahang pada pada petang ini.
  
2. Bersempena detik yang amat bersejarah ini, saya bagi pihak pengurusan serta seluruh warga kerja dan mahasiswa UMP ingin mengalu-alukan dan mengucapkan selamat datang kepada para pemimpin dan semua tetamu yang hadir, khususnya kepada tetamu kehormat kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berbahagia Datin Sri Rosmah Mansor.

3. Sesungguhnya, tarikh 21 Februari 2016 bersamaan 12 Jamadil Awwal 1437 Hijrah ini adalah amat istimewa, bukan sahaja kepada kami warga UMP, tetapi juga kepada rakyat di daerah ini secara keseluruhannya, yang diwakili oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib sebagai Ahli Parlimen Pekan.
4. Tidak hanya keistimewaan tersebut terletak pada detik bersejarah perasmian kampus utama Universiti Malaysia Pahang ini, namun lebih bermakna lagi apabila tarikh hari ini juga turut menandakan genap 40 tahun penglibatan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib dalam arena politik sebagai Ahli Parlimen Pekan. Tahniah Yang Amat Berhormat Dato' Sri dan semoga Allah Ta'ala terus melimpahkan rahmat peliharaan-Nya terhadap perjuangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri memandu Malaysia ke arah kegemilangan.
4. Empat belas tahun yang lalu, tatkala perletakan batu asas kampus ini disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 2 November 2002, Yang Amat Berhormat Dato' Sri masih lagi menyandang jawatan Menteri Pertahanan Malaysia.

5. Lima tahun selepas itu, tatkala beliau menyempurnakan pelancaran pembinaan kampus ini pada 30 Jun 2007, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib telah pun meningkat setapak lagi dalam kabinet sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia.
6. Selepas hampir sembilan tahun berlalu sejak pelancaran pembinaannya, kita amat bertuah kerana Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib sudi hadir sekali lagi ke sini, dan kali ini untuk menyempurnakan perasmian kampus ini, dan pada hari ini beliau hadir sebagai Perdana Menteri Malaysia. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri.
7. Justeru, apa yang diaspirasikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib selaku tokoh yang bertanggungjawab mengilhamkan pengasasan sebuah universiti penuh di negeri Pahang ini, tatkala beliau masih menjawat portfolio Menteri Pendidikan pada tahun 1998 menjadi kenyataan pada hari ini.

8. Oleh yang demikian, bagi pihak warga UMP secara keseluruhannya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib dan Kerajaan Persekutuan atas perhatian dan sokongan yang diberikan kepada UMP sejak awal penubuhannya lagi sehingga membolehkan kampus utama ini mula beroperasi secara rasmi.
  
9. Sukacita juga saya menyatakan di sini bahawa komitmen yang sama telah turut diperlihatkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kerajaan Negeri Pahang yang memberikan perhatian yang serius terhadap perkembangan dan pembangunan Universiti ini. Dalam konteks ini, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob selaku Menteri Mentor kepada UMP sentiasa meluangkan masa untuk pelbagai aktiviti dan acara di Universiti ini. Maka sewajarnyalah bagi kami warga UMP untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas perhatian dan keprihatinan tersebut.

10. Untuk makluman Yang Amat Berhormat Dato' Sri, operasi kampus UMP Pekan ini telah bermula secara berperingkat sejak 27 Jun 2009 lagi dan kini menempatkan tiga buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dengan kapasiti semasa 2,000 mahasiswa.
  
11. Dengan siapnya Bangunan Kompleks Pentadbiran Utama, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan serta Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi yang bernilai RM 123 juta, operasi pengurusan UMP juga telah dipindahkan secara rasmi dari kampus Gambang ke sini pada hari Isnin, 2 November 2015. Kini, jumlah keseluruhan tenaga kerja pentadbiran dan akademik yang berkhidmat di UMP Pekan ialah 870 orang.

## **IMPAK UMP PEKAN KEPADA**

### **PEMBANGUNAN KOMUNITI SETEMPAT**

12. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, tuan-tuan dan puan-puan,

Adalah menjadi tekad pihak pengurusan UMP bahawa masyarakat setempat dapat turut menikmati manfaat daripada kewujudan Universiti ini sebagai sebuah institusi yang merakyat. Tidak hanya UMP meletakkan sasaran untuk menjadi sebuah universiti yang memiliki kecemerlangan akademik dan penyelidikan, tetapi juga peranan signifikannya sebagai agen transformasi sosioekonomi masyarakat turut menjadi keutamaan pihak pengurusan.

13. Dalam konteks pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang dipacu oleh lima Lonjakan Strategik iaitu Keunggulan Akademik, Kelestarian Kewangan, Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Kemampanan Sosioekonomi dan Persekutaran serta Keunggulan Jenama, Universiti ini akan terus memberikan komitmen sosialnya untuk membantu kerajaan membangunkan masyarakat di Negeri Pahang dan di kawasan Parlimen Pekan ini khasnya.

14. Dalam konteks tersebut, sukacita saya memaklumkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri bahawa UMP telah memainkan peranan yang aktif dan signifikan dalam menjayakan inisiatif Empower ECER Mahkota Kuala Pahang bersama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Sebagai rangsangan tambahan terhadap inisiatif tersebut juga, majlis pada petang ini juga akan menyaksikan penyampaian dana usahawan bumiputera hasil sinergi TERAJU dan ECERDC oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri.
  
16. Sejak pelancaran rasminya pada 18 Julai 2012, inisiatif ini telah berjaya memberi manfaat kepada 8,343 peserta dalam kalangan pelajar sekolah, belia, ibu tunggal dan anggota masyarakat lain melalui khidmat latihan akademik, kemahiran dan keusahawanan. Selain itu, tumpuan turut diberikan oleh UMP bersama ECERDC untuk mentransformasi landskap fizikal di perkampungan nelayan Kuala Pahang melalui projek Kompleks Makanan Laut dan Pusat Pemprosesan Hasil Laut yang bernilai RM 7.7 juta.

17. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, bagi memastikan hasrat komitmen sosial strategik UMP tersebut dapat direalisasikan secara lebih berkesan, aspek akses fizikal ke kampus UMP Pekan ini, pada hemat saya, wajar menerima perhatian yang lebih daripada Kerajaan. Ini termasuklah jalan utama yang menyambungkan kampus UMP Pekan ini terus ke Taman Industri Automotif di Kawasan Perindustrian Peramu yang sehingga kini masih belum dapat disempurnakan.
  
18. Dari sudut pembangunan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan Yang Amat Berhormat Dato' Sri bahawa UMP telah memohon 10 projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 yang berjumlah RM 175 juta. Dengan memahami tanggungan semasa Kerajaan, saya dan warga UMP sangat berterima kasih jika kelulusan dapat diberikan kepada empat projek sahaja iaitu:

- a. Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam;
  - b. Pusat Sukan;
  - c. Pusat Ko-kurikulum; dan
  - d. Kompleks Jaringan bagi menempatkan Institut Pengajian Siswazah, Pejabat Antarabangsa, Jabatan Jaringan Industri & Masyarakat, Pusat Kerjaya Pelajar dan Jabatan Penyelidikan & Inovasi.
19. Sekiranya dipertimbangan Yang Amat Berhormat Dato' Sri, kesemua empat projek yang dinyatakan tadi berjumlah RM 140 juta. Jika diluluskan semua empat projek ini, komitmen kerajaan untuk tahun 2016 adalah sebanyak RM 6.5 juta sahaja dan sebanyak RM 34 juta lagi pada tahun 2017. Projek ini, sekiranya diluluskan, akan menyaksikan perpindahan 1,000 orang mahasiswa dan 400 orang staf lagi ke kawasan Kuala Pahang.

20. Untuk makluman Yang Amat Berhormat Dato' Sri, pembangunan di Kampus UMP Pekan sehingga kini hanya sekitar 20.30% daripada jumlah keluasan tanah yang berkeluasan 642.42 ekar. Keempat-empat projek tadi sekiranya diluluskan, akan menyumbang kepada 13.81% peningkatan jumlah penggunaan tanah. Secara keseluruhannya hanya 34.11% penggunaan tanah untuk pembangunan digunakan dari tahun 2005 sehingga 2020 di tapak Kampus UMP Pekan.

### **PENGLIBATAN BERSAMA**

21. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, tuan-tuan dan puan-puan,

Bagi membolehkan Universiti ini terus kekal berdaya saing dengan prestasi yang cemerlang, pihak pengurusan UMP turut memberikan tumpuan terhadap pelebaran jaringan kolaborasi strategiknya dengan rakan-rakan awam dan industri.

22. Bagi kami di UMP, kolaborasi sedemikian telah memberikan manfaat yang tidak sedikit dalam konteks pembangunan akademik dan latihan; pemindahan teknologi dan inovasi; pengembangan aktiviti penyelidikan dan pengkomersialan; serta penyuburan agenda keusahawanan.
23. UMP turut melihat bahawa penyertaan awam perlu ditingkatkan lagi bagi menyumbang kepada perkembangan Universiti ini. Justeru, pihak pengurusan UMP telah memulakan satu lagi inisiatif baharu yang dikenali sebagai *MyGift*.
24. Melalui inisiatif ini, agensi kerajaan, badan korporat dan orang perseorangan, sama ada dari dalam atau luar Malaysia dipelawa untuk menyalurkan sumbangan dalam bentuk kewangan atau material ke Tabung *MyGift* bagi tujuan tajaan pendidikan atau penambahbaikan iklim pengajian di UMP.

25. Saya amat berharap bahawa UMP dapat mengumpul dana sebanyak RM 40 juta melalui inisiatif ini yang dioperasikan melalui sembilan bentuk endowmen dan tabung iaitu Kursi; Biasiswa Pelajar; Makmal dan Fasiliti; Tabung Ramadhan; Tabung Masjid; Tabung Bencana; Tabung Wakaf; Tabung Komuniti; dan Tabung Sumbangan Tidak Patuh Syariah.
26. Setakat ini, dana *MyGift* telah mengumpul sebanyak RM 4.129 juta, dan angka ini adalah jauh lebih rendah berbanding sasaran yang telah diletakkan. Justeru, pihak pengurusan berpandangan bahawa kejayaan pelaksanaan *MyGift* sebagai satu bentuk inisiatif endowmen dapat direalisasikan secara berkesan sekiranya para alumni, staf serta Lembaga Pengarah Universiti dapat memainkan peranan masing-masing dengan lebih proaktif.

## **HARAPAN DAN KATA PENUTUP**

27. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil peluang untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada semua tetamu yang telah sudi hadir bagi menyeri dan memeriahkan Majlis Perasmian Kampus Utama Universiti Malaysia Pahang pada petang ini.

28. Adalah menjadi harapan saya, pihak pengurusan dan warga UMP secara keseluruhannya bahawa Universiti ini akan terus menerima sokongan yang sewajarnya dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pahang, agensi awam , badan korporat dan rakyat bagi membolehkannya terus mandiri sebagai gedung ilmu pengetahuan dan institusi kemasyarakatan yang cemerlang.

29. Pada masa yang sama juga, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus bekerja menyumbangkan khidmat bagi membolehkan majlis bersejarah pada petang ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna untuk keselesaan semua tetamu yang hadir.

30. Mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmat peliharaan-Nya kepada negara Malaysia, negeri Pahang dan Universiti Malaysia Pahang dengan naungan kemakmuran, kesejahteraan, keselamatan, kejayaan dan kecemerlangan, *Amin.*

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*